

Mahkamah tolak rayuan Anwar

BH - 6 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Rayuan di sini hari ini menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela dalam kes liwatnya.

Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Lamin Yunus bersama Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Denis Ong, menolak rayuan itu selepas membenarkan bantahan awal Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah.

Lamin kemudian memerintahkan perbicaraan kes liwat itu diteruskan. Bagaimanapun tarikh perbicaraan itu masih belum ditetapkan.

Sementara itu, peguam Anwar, Christopher Fernando memberitahu pemberita, pihaknya akan memfailkan notis rayuan berhubung keputusan itu di Mahkamah Persekutuan secepat mungkin.

Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja mengemukakan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ariffin Jaka pada 21 April lalu bahawa Perdana Menteri tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat terhadap mereka.

Ariffin bagaimanapun membenarkan penangguhan perbicaraan kes liwat itu sehingga rayuan berhubung isu itu diselesaikan.

Sebelum itu, dalam bantahannya, Mohtar berkata pembela tidak boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan Ariffin itu kerana ia bukanlah keputusan muktamad.

Sebaliknya, beliau berhujah, hakim berkenaan boleh mengkaji semula keputusan itu walaupun pada akhir perbicaraan.

Selain itu, Mohtar berkata pemanggilan saksi bagi mana-mana pihak bukanlah hak sedia ada sebaliknya pihak terbabit perlu mengikut undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

Beliau mendakwa permohonan itu mengganggu perbicaraan kes liwat di Mahkamah Tinggi.

Bagaimanapun, peguam Anwar Karpal Singh berkata pihaknya berhak memanggil saksi yang dirasakan perlu untuk mempertahankan kes mereka dan bukan bertujuan melengahkan perbicaraan itu.

Peguam Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo pula menegaskan, pembela patut diberi peluang secukupnya untuk membela tertuduh.

Anwar, 53, dan Sukma, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.